



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (63)

SIARAN MEDIA

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) SARAN LANGKAH MITIGASI HADAPI FENOMENA EL NINO 2026

PUTRAJAYA, 31 Mac 2026 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyarankan para pengusaha akuakultur, khususnya penternak ikan sangkar dan kolam, agar mengambil langkah proaktif bagi mendepani jangkaan fenomena El Nino yang diramal melanda negara tahun ini. Fenomena cuaca ekstrem ini dijangka memberi kesan signifikan kepada ekosistem akuakultur, termasuk peningkatan suhu air, risiko penularan penyakit, serta ancaman ledakan alga berbahaya yang boleh menjejaskan kelangsungan operasi dan produktiviti pengeluaran ikan negara.

Cuaca panas dan kering yang melampau memberi kesan langsung kepada kualiti air. Peningkatan suhu bukan sahaja mengurangkan kandungan oksigen terlarut (*Dissolved Oxygen*), malah mengakibatkan stres kepada ternakan, gangguan metabolisme, serta meningkatkan kerentanan ikan terhadap serangan penyakit.

Berdasarkan rekod Jabatan, terdapat seramai 1,714 pengusaha sangkar air tawar di seluruh negara, dengan kepadatan tertinggi di negeri Pahang (1,113 pengusaha), Terengganu (332), dan Kelantan (132). Melalui pencapaian pengeluaran sebanyak 17,744.02 tan metrik bagi tahun 2025, Jabatan komited memastikan kelangsungan pendapatan golongan sasaran ini tidak terjejas ekoran ketidakpastian iklim.

Selain faktor suhu, para pengusaha turut digesa berwaspada terhadap ancaman ledakan alga (*Algal Bloom*). Cuaca panas cenderung menggalakkan pertumbuhan alga secara mendadak yang berupaya menyedut oksigen pada waktu malam, sekali gus berisiko tinggi mengakibatkan kematian ikan secara besar-besaran.

“Jabatan Perikanan sentiasa memantau rapat perkembangan cuaca dan komited membantu pengusaha meminimumkan risiko kerugian. Penternak dinasihatkan melaksanakan langkah pencegahan awal seperti mengurangkan kepadatan benih dan memantau rapi rejim pemberian makanan. Keutamaan kita adalah memastikan rantai bekalan protein negara kekal stabil dan kebajikan ekonomi pengusaha terus terpelihara,” ujar Ketua Pengarah Perikanan, Dato’ Haji Adnan Hussain.

Bagi mengurangkan impak fenomena ini, Jabatan menggariskan beberapa langkah mitigasi utama untuk diamalkan oleh para pengusaha. Antaranya termasuklah mengimbangi kepadatan ternakan dengan melepaskan benih dalam jumlah yang lebih kecil bagi memastikan ikan mempunyai ruang dan oksigen yang mencukupi. Pengusaha juga dinasihatkan agar melaksanakan kawalan pemakanan yang lebih ketat bagi mengelakkan pemberian makanan berlebihan yang boleh merosotkan kualiti air serta meningkatkan tahap ammonia yang toksik kepada ikan.

Selain itu, pemantauan rapi terhadap parameter air seperti suhu dan tahap oksigen perlu dilakukan secara berkala bagi mengesan sebarang perubahan awal yang boleh mengancam ternakan. Penggunaan sokongan mekanikal seperti pemasangan kincir air atau pam tambahan juga amat digalakkan jika perlu, bagi membantu meningkatkan peredaran oksigen dalam sangkar atau kolam sepanjang tempoh cuaca ekstrem ini.

Dato' Haji Adnan turut memaklumkan pengusaha yang terkesan boleh membuat laporan polis bagi tujuan rekod dan rujukan permohonan bantuan di bawah Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur bagi peruntukan akan datang, tertakluk kepada kelulusan dan dana semasa Jabatan. Jabatan Perikanan akan terus memberikan khidmat nasihat teknikal bagi memastikan komuniti akuakultur negara berupaya mengharungi cabaran cuaca ini dengan tahap kesiapsiagaan yang tinggi.

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/folders/1gbz7HNNH6fcZ-SjNAK0P6dO2JVm95rOH8>

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my